

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
[ TUARAN ]**

**TARIKH : 2 MAC 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [ TUARAN ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan agar penjadualan semula penerbangan (*rescheduling of flights*) oleh syarikat-syarikat penerbangan dapat dielakkan untuk menjamin ketepatan ketibaan setiap penerbangan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 5 Januari 2023, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah mengingatkan semua syarikat penerbangan untuk memperkuuhkan pengurusan pengendalian penundaan dan pembatalan penerbangan bertujuan untuk menambahbaik komunikasi kepada penumpang serta menyediakan penjagaan dan keperluan seperti yang digariskan di dalam Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (*Malaysian Aviation Consumer Protection Code 2016*, - MACPC).
2. Di samping itu, bagi memastikan syarikat penerbangan mematuhi jadual-jadual penerbangan yang telah ditetapkan, pihak MAVCOM sedang mempertimbangkan cadangan untuk mengenakan penalti kewangan kepada syarikat penerbangan atau tindakan-tindakan lain yang bersesuaian dengan syarat-syarat lesen/permit yang ditetapkan. Cadangan ini boleh dilaksanakan dengan perubahan atau tambahan kepada syarat lesen/permit sedia ada. Tindakan tegas seperti ini boleh diambil bagi memastikan kejadian pembatalan/penjadualan semula penerbangan tidak lagi berulang.
3. Syarikat penerbangan yang membatalkan penerbangan atas faktor di bawah kawalan syarikat penerbangan seperti teknikal atau kapasiti penumpang yang tidak memuaskan menyebabkan penerbangan tersebut dilewatkan atau dibatalkan adalah tertakluk untuk menawarkan pembayaran ganti dalam masa 30 hari atau perubahan laluan sepetimana yang diperuntukkan di dalam MACPC.
4. Sekiranya syarikat penerbangan gagal mematuhi MACPC, MAVCOM boleh mengenakan penalti kewangan sebanyak amaun yang tidak melebihi RM200,000, dan ketidakpatuhan kedua atau berikutnya, amaun sepuluh kali daripada penalti kewangan yang dikenakan bagi ketidakpatuhan yang pertama. Dari tahun 2018 sehingga Januari 2023, MAVCOM telah mengenakan penalti sebanyak RM4.72 juta ke atas

**NO. SOALAN: 17**

kegagalan syarikat penerbangan dalam mematuhi pelbagai kesalahan di bawah MACPC.

5. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kod perlindungan pengguna, MAVCOM kini dalam proses penambahbaikan MACPC berdasarkan maklum balas pengguna dan juga pengajaran-pengajaran penting yang berlaku semasa pandemik COVID-19. Penambahbaikan itu termasuk peningkatan perlindungan pengguna dalam kes-kes yang tidak pernah berlaku sebelum tempoh pandemik ini. MAVCOM menganggarkan proses penambahbaikan tersebut akan selesai pada suku kedua 2023.

Sekian, terima kasih.